

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG**  
**[ BAGAN ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Guan Eng** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan Whistleblower Act (Akta Perlindungan Pemberi Maklumat) di Malaysia. Kenapa Ahli Parlimen Pandan (yang ditahan dibawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972) tidak dilindungi di bawah akta ini ekoran penahanannya pada 5 April 2016

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 dan telah mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2010. Akta ini berperanan untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar seperti jenayah dan salah laku lain dalam sektor awam dan swasta.

2. Dalam hal ini, seorang yang hendak menjadi Pemberi Maklumat hendaklah memenuhi keperluan di bawah Seksyen 6 Akta ini iaitu, sebarang pendedahan berkaitan maklumat salah laku hendaklah dibuat terus kepada Agensi Penguatkuasaan yang melaksanakan Akta ini. Bahagian III, klausa 7(1) Akta ini turut memperuntukkan bahawa seorang Pemberi Maklumat diberikan perlindungan merangkumi perlindungan maklumat sulit seperti identiti, perlindungan daripada tindakan sivil dan jenayah akibat pendedahan yang dibuatnya serta turut dilindungi dari dikenakan tindakan yang memudaratkan dirinya serta mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengannya.

3. Berhubung kes Ahli Parlimen Pandan yang ditahan pada 5 April 2016 di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88], beliau tidak dilindungi di bawah Akta ini kerana telah mendedahkan maklumat secara terbuka dalam sidang media bertarikh 24 Mac 2016 dan 28 Mac 2016. Pendedahan maklumat secara terbuka tersebut menyebabkan identiti beliau sudah terdedah dan tidak melayakkan

beliau menjadi Pemberi Maklumat yang diberi perlindungan di bawah Akta ini.

Sekian, terima kasih.